



Rujukan: UKM.SWZ.100-1/3/1
Tarikh: 13 Januari 2021

PEKELILING PUSAT SISWAZAH BIL. 4/2021

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
(Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Mesyuarat Senat ke-471 bertarikh 23 Disember 2020 telah meluluskan cadangan Kertas Kerja Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa yang disediakan oleh Pusat Jaminan Kualiti (PJK).
3. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Bagi Membincangkan Tindakan Susulan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) Penambahbaikan Dasar Pengurusan Pelajar Antarabangsa Ke Institut Pengajian Tinggi Malaysia pada 18 November 2019 dan 20 Disember 2019 telah membuat penambahbaikan terhadap syarat Bahasa Inggeris bagi calon yang tidak memenuhi kompetensi Bahasa Inggeris untuk dipertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- a. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **dengan had tempoh selama dua (2) tahun maksimum; dan**



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



- b. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalam perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana- mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris. Jadual skor kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris yang boleh dirujuk adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Bersama-sama ini dilampirkan petikan minit mesyuarat dan kertas kerja berkenaan sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya. Sukacita dimaklumkan, Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui pautan berikut: (shorturl.at/auBT2). Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat Emel/Tel.
Prof. Madya Dr. Wan Hanna Melini Wan Mohtar Ketua, Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah	kualitips@ukm.edu.my Tel: 03-8921 3100
Puan Rafidah Hassan Unit Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah	

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROF. DR. SARANI ZAKARIA

Pengarah
Pusat Siswazah, UKM

s.k;

- Timbalan Pengarah
Pusat Siswazah, UKM
- Ketua, Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah
Pusat Siswazah, UKM



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



**PETIKAN MINIT SENAT KE-471
Bertarikh 23 Disember 2020**

III. Perkara-perkara Berbangkit

2. Minit IV(5)(5.1)(5.1.1) – Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa

Senat bersetuju meluluskan kemasukan pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris secara Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) untuk mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris peringkat dalaman Universiti bagi tempoh (2) tahun maksimum. Pelajar perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diijazkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

**Tindakan: Dekan Fakulti/Pengarah Institut/
Pengarah PS/ Pengarah PKP/ TPAK**



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

1.0 Tujuan

Kertas kerja ini bertujuan untuk memohon kelulusan Senat berkaitan pindaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terhadap syarat keperluan kompetensi Bahasa Inggeris bagi pelajar antarabangsa.

2.0 Latar Belakang

2.1 Pihak KPT melalui pekeliling bertarikh 31 Julai 2019 telah memaklumkan bahawa Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil.16/2019 telah menetapkan bahawa semua pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- a. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **tanpa had tempoh masa**, namun pelajar masih tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa; dan
- b. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

2.2 KPT melalui Mesyuarat Bagi Membincangkan Tindakan Susulan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) Penambahbaikan Dasar Pengurusan Pelajar Antarabangsa Ke Institut Pengajian Tinggi Malaysia pada 18 November 2019 dan 20 Disember 2019 telah membuat penambahbaikan terhadap syarat pada Perkara 2.1 (a) iaitu semua pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- a. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **dengan had tempoh selama dua (2) tahun maksimum; dan**



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



- b. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diajarkan kepada *The Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris. Jadual skor kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris yang boleh dirujuk adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.0 Ulasan Pentadbiran

- 3.1 UKM menggunakan kesetaraan skor MUET/IELTS/TOEFL sebagaimana formula kesetaraan yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidikan A Correlation Study between MUET and IELTS [MPM.100-6/2/35/JLD.2(88)] seperti dalam **Lampiran 2**. Laporan kajian ini dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Majlis Peperiksaan Malaysia pada 7 Ogos 2018. Sehubungan dengan itu, dicadangkan kesetaraan MUET/IELTS/TOEFL disetarakan semula mengikut ketetapan terkini MQA seperti di **Lampiran 3**.
- 3.2 Bagi memastikan Perkara 2.2 di atas dipatuhi sepenuhnya, dicadangkan **Bahagian II, Perkara 5, Peraturan-Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) Pindaan 2015** dan **Perkara 2 (2.1.7), Peraturan-Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda) 2020** berkaitan Syarat Keperluan Bahasa Inggeris **disemak semula**.

4.0 Perakuan

Ahli dengan hormatnya diminta meneliti dan mempertimbangkan kertas cadangan ini dan sekiranya bersetuju meluluskan seperti di dalam Perkara 3.0 untuk pelaksanaan di UKM.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



LAMPIRAN 1

English Competency	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR Hight B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	Band 2	Hight Band 2	Band 3	Band 3	Band 4	Band 4
IELTS	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOFEL iBT	30-31	35	4.2	46	60	79
Pearson Test of English	36	43	47	51	59	63
Cambridge English Qualifications and Test	140	147	154	160	169	176

Sumber: Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

LAMPIRAN 2

Jadual Kesetaraan Skor
MUET/IELTS/TOEFL UKM

MUET (Malaysian University English Test)			CEFR level	IELTS (International English Language Testing System)	TOEFL (Test of English as a Foreign Language)	English Level
Range score	Average score	Band	Band	Band	Band	Proficiency
260-300	264.39	6	C2	>8.0	110 – 120	Advanced
220-259	232.90	5	C1	7.0 – 8.0	94 – 109	
180-219	202.60	4	B2	6.0 – 6.5	60 – 93	Upper intermediate
140-179	163.40	3		5.5	46 – 59	
100-139	125.90	2	B1	4.0 – 5.0	31 – 45	Lower intermediate
<100	83.32	1	A2	< 4.0	< 30	Elementary

LAMPIRAN 3

**Cadangan Jadual Kesetaraan Skor
MUET/IELTS/TOEFL UKM
(Terkini)**

English Competency	CEFR A2	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2	CEFR C1	CEFR C2
IELTS	<4.0	4	4.5	5	5.5	6	6.5	7.0-8.0	>8.0
MUET	Band 1	Band 2	Hight Band 2	Band 3	Band 3	Band 4	Band 4	Band 5	Band 6
TOFEL iBT	<30	30-34	35-41	42-45	46-59	60-78	79-93	94-109	110-120
TOFEL pBT	310-395	396-416	417-439	440-452	453-497	498-547	548-585	586-636	637-577
Pearson Test of English	-	36	43	47	51	59	63	-	-
Cambridge English Qualifications and Test	-	140	147	154	160	169	176	-	-
ENGLISH LEVEL (Proficiency)	Elementary	Lower Intermidate			Upper Intermidate			Advance	